

PERSPEKTIF SASTERA

Penel pembicara Program Bicara Tokoh (dari kiri) Dr Hashim, Dr Fariza, Mawar, Moderator Saifulizan dan Dr Kok Soong di Dewan Bahasa dan Pustaka.



Mawar Safei menyerlah dalam genre sastera Islam

Kepengarangan wanita prolifik tanah air dilihat cukup luar biasa

Oleh Latifah Arifin
latifah@id.com.my

Sisi kepengarangan penulis wanita prolifik tanah air ini dilihat cukup luar biasa. Pencapaiannya bukan sahaja diukur melalui pelbagai penganugerahan dan sayembara dimenangi, tetapi kemampuannya dalam menukangi dan mencabar diri menghasilkan karya yang nilainya lebih daripada sebuah naskhah sastera.

Itu antara keistimewaan penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write) ke-40, Prof Madya Dr Mawar Safei yang mutakhir ini cenderung menghasilkan karya bernuansa sastera Islam.

Pengkritik sastera yang juga Penyarah Kanan Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Dr Hashim Ismail, ketika mengulas kekuatan cerpenis itu, berkata idealisme kerohanian yang dibawanya adalah sangat mencabar dan sukar untuk digabung jalin dalam bentuk cerpen.

"Saya lihat idealisme Mawar mengenai kewanitaan dan akhir-akhir ini beliau makin kuat dengan ketuhanan

"Kewibawaannya mendekati hal berkaitan tasawuf dalam penulisan cerpen adalah luar

biasa dan tidak ada pengarang yang melakukannya

"Beliau pengarang wanita yang sudah berani atau yang berupaya untuk menggarap hal berbentuk sufi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Bicara Tokoh: Mawar Safei Penerima SEA Write Award 2018 bertajuk 'Puncak Dunia Kepengarangan Mawar Safei' di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), baru-baru ini.

Hashim berkata, antara cerpen Mawar yang menerokai ilmu tasawuf termasuklah *Pohon Sukma*, *Dini Hari Nuhar* dan *Kupu-kupu Biru di Penjuru Qalbu*.

"Mawar dalam *Dini Hari Nuhar* meletakkan kisah seorang wanita yang gagal mengerjakan haji kerana berdepan masalah visa, dia akhirnya menengok diri dan makin dekat dengan Tuhan.

"Ini sebenarnya satu hikmah dan proses kerohanian ini digambarkan dalam cerpenya. Dalam cerpen itu turut berkisar menomokkan hakikat cinta daripada bait puisi Rumi," katanya.

Beliau turut memuji keberanian Mawar menerokai puisi dihasilkan ulama sufi dan penyair tersohor Maulana Jalaluddin al-Balkhi ar-Rumi.

"Bukan calang-calang sebenarnya kita hendak membawa satu teks Rumi kerana ia sesuatu yang besar dan diterima pemikir dunia.

"Mawar bagi saya mampu menterjemahkannya, puisi Rumi digembleng bersama dengan idealisme cinta tuhan," katanya.

Tambah Hashim, selepas Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Ahmad Kamil Abdullah atau

Kemala yang banyak menghanikan puisi dengan elemen sufi, Mawar dilihat sebagai pelapis yang mengaplikasikannya dalam karya.

Sementara itu, Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Fariza Md Sham, berkata pendekatan dakwah dalam karya Mawar melambangkan perjalanan spiritual kepengarangannya.

"Kisah yang terkandung dalam al-Quran dibawa dalam bentuk cerpen dan sememangnya kisah dalam kitab suci ini banyak dijadikan panduan atau pengajaran kepada kita.

"Kreativiti dan kesenian Mawar berjaya mengangkat kisah ini dalam satu bentuk seni.

"Cara beliau mengangkat kisah daripada al-Quran juga adalah betul dan saya kira beliau sudah menjalani perjalanan pengembaraan kerohanian yang diuahkan melalui karyanya," katanya.

Beliau turut berpandangan cerpen berunsur dakwah sebegini amat baik dan perlu diteliti khususnya oleh generasi muda.

Bagi Felo Utama Bersama, Institut Kajian Etik (KITA) dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM, Prof Datuk Dr Teo Kok Soong, yang menganalisis kumpulan cerpen *Dan Coklat Mengalir dari Ruang Buncah* melihat Mawar mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bahasa dan penulisan.

"Mawar menggunakan perkataan yang tepat dari segi makna untuk menyampaikan makna yang dihajati.

"Diksi atau pemilihan dan penggunaan perkataannya bu-

kan sahaja didapati amat tepat, ia juga mampu mewujudkan kesan maksimum mengenai makna yang dihajati.

"Ibarat tukang yang bukan sahaja mahir tentang seni yang ditekuni dan diusahakannya, Mawar ikut menghasilkan barangan seni bermutu daripada tangannya sendiri," katanya.

Bagaimanapun, ulasnya, agak sukar untuk memahami jalan cerita cerpen dihasilkan Mawar kerana ia dikaitkan sebagai kompleks khususnya bagi pembaca yang tidak mempunyai latar belakang sastera.

"Sejujurnya saya masih tidak memahami jalan cerita pada cerpen itu dan juga yang lain-lain dalam kumpulan cerpen itu.

"Saya kira saya yang bermasalah di sini, dan bukannya cerita dan plot yang barangkali mudah sifatnya, yang diangkat Mawar dalam setiap cerpenya.

"Bagaimanapun, saya amat mempercayai cerpen ini dan ratusan karya Mawar yang lainnya, mempunyai nilai sastera yang tinggi apabila dianalisis dalam teori, kerangka, pendekatan dan konsep sastera oleh orang sastera," katanya.

Perbincangan itu yang dimudah cara Ketua Jabatan Pembinaan Bakat, DBP Saifulizan Yahaya diakhiri dengan acara baca naskhah yang memberi peluang kepada pengarang diraikan membaca cerpen pilihannya. Mawar memilih untuk membacakan sebuah cerpen bertajuk *Dia yang Berlari Kencang dalam Debu Perang* yang mana pernah memenangi kategori cerpen eceran pada Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2015/2016.



Kewibawaannya mendekati hal berkaitan tasawuf dalam penulisan cerpen adalah luar biasa dan tidak ada pengarang melakukannya"

Prof Dr Hashim Ismail, Pengkritik sastera yang juga Penyarah Kanan Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM)